

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 44**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik berkenaan dengan jumlah bayi kelahiran rawatan IVF dan IUI (untuk kedua-dua hospital Kerajaan dan hospital persendirian) dalam 10 tahun kebelakangan ini. Apakah peratusan kejayaan penghamilan yang tercatat di negara kita berbanding dengan jumlah rawatan IVF dan IUI yang telah diberikan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya mempunyai data mengenai bilangan pelanggan yang menjalani rawatan *In-vitro Fertilization* (IVF) dan Intrauterine Insemination (IUI) di fasiliti KKM sahaja. Buat masa ini, pihak KKM tidak mempunyai data tentang bilangan kelahiran bayi melalui kedua-dua kaedah ini.

Daripada tahun 2010 sehingga 2018, sebanyak 6,527 pesakit telah menjalani prosedur IVF di enam (6) buah hospital KKM iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh Perak. Peratus kejayaan pesakit yang menjalani prosedur IVF ini secara puratanya sekitar 19% hingga 28% setahun. Daripada jumlah pesakit 6,527 yang menjalani rawatan IVF pada 2010 sehingga 2018, seramai 2,083 orang berjaya hamil, di mana seramai 1,625 orang adalah melalui *fresh embryo transfer* dan 458 orang melalui *frozen embryo transfer*.

Terdapat seramai 10,305 orang pesakit telah menjalani rawatan IUI di 13 buah hospital Kerajaan daripada tahun 2014 hingga 2018. Dari pada jumlah ini seramai 719 orang pesakit berjaya hamil. Peratus kejayaan IUI adalah sekitar 7 peratus setahun secara umumnya.

Perkhidmatan *Assisted Reproductive Technique* seperti IVF ini merangkumi prosedur lengkap dari siasatan makmal sehinggalah kepada rawatan ubat serta prosedur di dewan bedah termasuk kaunseling. Ubat-ubatan mendapat subsidi penuh dari Kerajaan manakala prosedur-prosedur akan dikenakan caj.

Sekian, terima kasih.